

04/08/2002

Pemimpin kaum Cina patut bersikap lebih patriotik

Jamhariah Jaafar

PEMIMPIN Cina yang sering membantah usaha murni kerajaan untuk merapatkan jurang perkauman yang semakin luas dan serius di negara, perlu bersikap jujur dan lebih patriotik, bukan hanya sekadar berani berdepan dengan bangsa sendiri.

Beberapa pemimpin persatuan pendidikan Cina yang dihubungi untuk mengulas kebimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai isu perkauman yang semakin renggang sekarang bukan saja enggan ditemui, malah menghilangkan diri apabila wartawan datang ke tempatnya untuk ditemubual selepas menetapkan sendiri temujanji.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA, Sabtu lalu, Dr Mahathir meluahkan rasa terkilan dan kecewa berikutan jurang perkauman yang semakin serius di negara ini. Pelajar sekolah bukan saja terasing dengan kehadiran sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK), malahan cerdik pandai di universiti turut mengamalkan pengasingan kaum yang amat menonjol.

Menyedari padah yang boleh terjadi, dengan tragedi 13 Mei 1969, sebagai iktibar, kerajaan berusaha sedaya upaya untuk merapatkan semula jurang yang semakin dalam ini dan antaranya ialah dengan pengenalan sekolah wawasan.

Pelbagai persatuan pendidikan Cina terus membantah lantang tanpa sedikitpun cuba untuk melihat mengapa program seumpama adalah penting demi survival negara ini pada masa depan. Tidak cukup dengan itu, usaha kerajaan untuk mengukuh sistem pendidikan negara dengan menggunakan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran penting seperti Sains dan Matematik, turut dibantah mereka.

Justeru, apabila Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong), Bok Tai Hee, yang pernah dipetik sebuah akhbar sebagai bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir, dan bersetuju pula untuk ditemui Berita Minggu, Rabu lalu, akhbar ini amat gembira kerana dapat memberi ruang kepada bangsa Cina menjelaskan pendirian mereka kepada sebuah akhbar Melayu.

Namun, redahan dalam hujan lebat dan dalam keadaan basah kuyup kerana mencari Kolej New Era yang tersergam indah di Jalan Anak Bukit, Kajang, berakhir dengan sia-sia apabila Bok dengan selamba mengatakan tidak berada di pejabat, malah langsung tidak meninggalkan pesan. Pembantu di luar pejabatnya sekadar berkata beliau ke out station.

Dengan mulut yang sememangnya pantas menjawab, wartawan bertanya: "Adakah ini amalan biasa Bok, membuat temu janji tetapi keluar tanpa meninggalkan pesan."

Bagaimanapun, usaha mendapatkan reaksi pemimpin Cina yang lantang berkata-kata dalam akhbar Cina, diteruskan tetapi sekali lagi wartawan terperanjat dengan hakikat sebenar yang berlaku di negara ini.

Penasihat Persekutuan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zhong), Dr Sim Mou Yu, yang dihubungi melalui telefon pula bertanya sama ada wartawan boleh berbahasa Hokkien atau Mandarin, kerana beliau tidak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Hakikat mengenai jurang perkauman sebenarnya adalah lebih teruk daripada yang difikirkan. Generasi lama terutama kaum Cina, yang majoriti begitu jarang bercampur gaul dengan kaum Malaysia lain, tidak fasih berbahasa Melayu selepas menetap begitu lama di negara ini. Bahasa yang sepatutnya menjadi bahasa kebangsaan dan kebanggaan seluruh rakyat perlu dipelajari sejak dulu.

Sikap taksub kepada kedudukan bangsa diperturunkan kepada generasi baru mereka dan pelajar kelahiran SRJK Cina bukan saja berbeza daripada pelajar sekolah kebangsaan dan SRJK Tamil, namun lebih jauh mereka turut mempunyai sijil persekolahan tersendiri yang hanya diiktiraf oleh Singapura, Taiwan dan Hong Kong... membelakangkan sijil persekolahan keluaran Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kaum Cina tidak boleh terus memperkecilkan isu perkauman yang kini semakin meruncing. Jurang antara kaum Melayu, India dan kaum lain di negara ini tidak begitu terasa kerana masing-masing mempunyai sikap tolak ansur dan toleransi yang tinggi.

Malaysia adalah negara pelbagai kaum dan sejak lebih tiga dekad hidup dalam keadaan aman dan damai. Sesiapapun tidak harus menggugat sebarang usaha Kerajaan untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

Malaysia tidak mampu lagi berdepan dengan tragedi seperti 13 Mei, 1969. Kegawatan ekonomi dan politik yang melanda negara pada akhir dekad lalu, dan saki bakinya masih terasa hingga ke hari ini, juga patut dijadikan iktibar.

Justeru, rakyat Malaysia yang ingin sekadar menjadi jaguh kaum sendiri dan membelakangkan perpaduan kaum, mereka patut menilai semula kedudukan diri... sebagai seorang rakyat Malaysia, yang setia kepada Perlembagaan dan Rukun Negara.